



جَاتِنْ حَكَمْ شَعْرِيَّةِ مَالِيْسِيَا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4(13)
Tarikh : 7 Rabiulawwal 1436H/
29 Disember 2014

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri**

Arahan Amalan No.2 Tahun 2014



Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Tahun 2014 pada 3 hingga 4 Muharam 1436H bersamaan 27 hingga 29 Oktober 2014 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman. Segala tindakan para Hakim dalam menyediakan Alasan Penghakiman bagi tujuan penerbitan Jurnal Hukum hendaklah tertakluk kepada Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman yang dilampirkan bersama-sama ini.

2. Arahan Amalan No.11 Tahun 2011 adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 31 Disember 2014.

(TAN SRI DR IBRAHIM LEMBUT)



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
DAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH / MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI-NEGERI SELURUH MALAYSIA

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

BAHAGIAN I

1. TAJUK RINGKAS, PEMAKAIAN DAN MATLAMAT

- 1.1 Manual ini dinamakan “Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman” yang akan diguna pakai di Mahkamah-mahkamah Syariah secara selaras, seragam dan berkesan.
- 1.2 Manual ini hendaklah dijadikan satu garis panduan Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah-Mahkamah Syariah bagi tujuan penerbitan Jurnal Hukum.
- 1.3 Manual ini hendaklah berkuatkuasa mulai tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie Negeri.
- 1.4 Manual ini merupakan suatu penyediaan dan satu garis panduan format penulisan Alasan Penghakiman bagi maksud untuk diterbitkan di dalam Jurnal Hukum.
- 1.5 Manual ini bertujuan untuk menyeragamkan format penulisan Alasan Penghakiman Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia bagi maksud untuk diterbitkan di dalam Jurnal Hukum.
- 1.6 Mengatasi masalah kekeliruan teknik dan format dalam penulisan Alasan Penghakiman.
- 1.7 Mewujudkan spesifikasi yang seragam dalam penulisan Alasan Penghakiman bagi maksud untuk diterbitkan di dalam Jurnal Hukum.
- 1.8 Memudahkan pihak editorial Jurnal Hukum membuat pengeditan Alasan Penghakiman untuk diterbitkan ke dalam Jurnal Hukum.

2. BENTUK

2.1 KERTAS

Saiz :A4 (210mm x 297mm)

2.2 PENAIPAN

2.2.1 Jenis Huruf dan saiz

Penulisan hendaklah menggunakan bentuk huruf Times New Roman pada keseluruhan Teks Penghakiman. Manakala penulisan bagi tulisan arab/jawi ialah Traditional Arabic.

Saiz huruf bagi tulisan rumi ialah 12 poin dan saiz huruf bagi tulisan arab/jawi ialah 14 poin.

Saiz huruf bagi kandungan seksyen undang-undang, makna ayat-ayat al-Quran, hadith dan petikan-petikan yang digunakan ialah 12 poin dan diitalic kan.

2.2.2 Tajuk.

Semua tajuk kecil hendaklah ditaip dengan huruf besar di awal perkataan dan ditebalkan (Bold)

2.2.3 Subtajuk (jika ada)

Semua subtajuk hendaklah ditaip dengan huruf besar di awal perkataan dan digariskan.

Contoh:

Tajuk { Penghakiman Y.A Tuan Haji Mahmud bin Awang, HMTS.

1. Berdasarkan semua rekod yang ada, kami mendapati ada dua isu yang perlu diberikan penekanan dan diulas oleh mahkamah ini iaitu :-
- a. samada siasatan/ keterangan yang diambil oleh Hakim Bicara adakah sempurna dan mencukupi dalam pensabitan talaq?
 - b. Samada Hakim boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak diangkat kepadanya?

Subtajuk

{ Isu Pertama : Samada Siasatan/ Keterangan Yang Diambil Oleh Hakim Bicara Adalah Sempurna Dan Mencukupi Dalam Pensabitan Talaq?

2. Pihak Perayu banyak menimbulkan ketidakpuasan hatinya terhadap siasatan dan pertimbangan yang dibuat oleh Hakim Bicara dalam memutuskan talaq yang dilafazkan olehnya dalam keadaan marah adalah sah dan sabit.

2.2.4 Jarak antara baris ayat

Selang satu setengah baris (1.5) antara barisan.

2.2.5 Jarak antara perenggan

Jarak di antara satu perenggan dengan perenggan yang lain hendaklah ditarik selang dua baris (double) di bawah ayat terakhir perenggan sebelumnya.

Setiap permulaan perenggan hendaklah dimulakan dari bahagian kiri bagi tulisan rumi dan bahagian kanan bagi tulisan arab/jawi tanpa ada ensotan (spacing).

Contoh:-

- 1.5 spacing* { Pemohon memfailkan permohonan supaya Mahkamah menggantungkan perlaksanaan Perintah yang telah diputuskan oleh Mahkamah ini pada 22 Oktober 2007 dalam Kes Mal Bil: 14100-034-0140-2006 sehingga Kes Rayuan Pemohon No. 14000-034-0017-2007 di Mahkamah Rayuan Syariah diputuskan.
- Double spacing* { Notis Permohonan Pemohon telah disokong oleh Afidavit Pemohon yang bertarikh 4 November 2007 dan telah dimasukkan suatu Notis Rayuan yang Pemohon failkan pada 1 November 2007. Pada masa sebutan pertama, terdapat satu Permohonan Interlokutori dari isteri Pemohon

3. PENOMBORAN

3.1 Penomboran Teks Penghakiman.

Teks Penghakiman perlu disediakan dalam bentuk perenggan bernombor.

3.1.1 Nombor perenggan.

Setiap perenggan dalam Teks penghakiman hendaklah dimulakan dengan nombor dan diletakkan dalam kurungan kotak seperti [1], [2], [3] dan seterusnya.

Contoh:

Fakta kes

- [1] Kes induk Plaintiff berkenaan dengan pembahagian harta pusaka Allahyarham Abdul Rahman bin Mohamad Amin ("Allahyarham"). Allahyarham semasa hayatnya telah bernikah dengan Salmah binti Omar. Pernikahan tersebut telah dikurniakan dengan 4 orang anak lelaki iaitu Plaintiff, Abdul Mutualib, Jamal dan Abdul Shukor.
- [2] Kemudian Allahyarham berkahwin dengan Fatimah binti Lambak dan dikurniakan dengan 3 orang anak iaitu Defendan, Nor Azman dan Nor Azida. Perkahwinan Allahyarham dengan isteri pertamanya tidak bertahan lama dan mereka bercerai.
- [3] Allahyarham telah meninggal dunia pada 25.02.2003. Semasa kematianya beliau meninggalkan 8 orang ahli waris iaitu isteri keduanya, Plaintiff, Defenden, Abdul Mutualib, Jamal, Abdul Shukor, Nor Azman dan Nor Azida. Allahyarham meninggalkan harta yang keseluruhannya berjumlah jutaan ringgit.

3.1.2 Nombor perenggan dalam Subperenggan

Setiap subperenggan hendaklah dimulakan dengan nombor roman dan diletakkan dalam kurungan kotak seperti [i], [ii], [iii] dan seterusnya.

Contoh:

- perenggan {
- [1] Berdasarkan Rekod Prosiding Kes Mal Bil: 10100-032-0256-2009, Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah meluluskan permohonan Responden untuk mendapatkan perintah interim secara *Ex-parte* pada 6/10/2009. Terma lengkap perintah *Ex-parte* tersebut adalah sebagaimana berikut :
- Subperenggan {
- [i] Bahawa Mahkamah memerintahkan Responden dan/atau keluarganya, wakil, agennya atau sesiapa sahaja ditegah Subperenggan dan dihalang daripada berurusan dan/atau melakukan apa-apa transaksi ke atas dan/atau terhadap hartaanah/ aset-aset berikut:

3.1.3 Nombor perenggan untuk Sub bagi Subperenggan.

Setiap sub bagi sub perenggan perlu dimulakan dengan abjad iaitu a, b, c dan seterusnya.

Contoh:

- perenggan {
- [1] Berdasarkan Rekod Prosiding Kes Mal Bil: 10100-032-0256-2009, Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah meluluskan perengganpermohonan Responden untuk mendapatkan perintah interim secara *Ex-parte* pada 6/10/2009. Terma lengkap perintah *Ex-parte* tersebut adalah sebagaimana berikut :

- Subperenggan* { [i] Bahawa Mahkamah memerintahkan Responden dan/atau keluarganya, wakil, agennya atau sesiapa sahaja ditegah dan dihalang daripada berurusan dan/atau melakukan apa-apa transaksi ke atas dan/atau terhadap harta/hartanah/aset-aset berikut:
- Sub-Subperenggan* { [a] **Sebuah rumah di No. 27, Jalan Rabung U8/40, Bukit Sub-Subperenggan Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan di bawah Geran 20427, Lot 1215 Mukim Damansara, Daerah Petaling.**

3.2 Penomboran perenggan dalam Perintah

Terma Perintah Mahkamah perlu dinyatakan dengan nombor dan diletakkan dalam kurungan sabit seperti (1), (2), (3) dan seterusnya.

Contoh:

MAHKAMAH setelah meneliti Rekod Rayuan, hujah Perayu dan Responden, serta alasan-alasan di atas, **MAKA KAMI BERPUASHATI DAN SEBULAT SUARA MEMERINTAHKAN;**

- (1) Rayuan Perayu diterima.
- (2) Perintah Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu bertarikh 04/12/2005 di dalam Kes Mal Bil: 11100-016-2-2002 dibatalkan.
- (3) Perintahkan kes tersebut dibicarakan semula di hadapan Hakim yang lain dan hendaklah diberikan keutamaan dan disegerakan.
- (4) Kos ditanggung oleh masing-masing pihak.

3.3 Penomboran Halaman

Nombor halaman hendaklah berada di sudut bawah di tengah-tengah antara sudut kanan dan kiri bagi tulisan rumi. Gunakan jenis huruf yang sama seperti huruf teks tanpa hiasan.

Contoh:

.....
Plaintif dan Defendan telah berkahwin pada 24.12.1993 di Lubuk Buntar, Serdang Kedah, kemudian telah bercerai pada 16.7.2004 di Mahkamah Syariah Wilayah

1

.....
Nombor Halaman

4. SENARAI SINGKATAN

4.1 Statut

Statut dibahagikan kepada seksyen/subseksyen, perkara/subperkara; perenggan/subperenggan; perintah, kaedah dan fasal. Bahagian statut yang dirujuk hendaklah menggunakan singkatan seperti :

P.	perlembagaan
kl	klausa
s.	seksyen
ss.	subseksyen
f	fasal
k	kaedah
p	perintah
per	perkara

4.2 Pangkat dan Gelar

Pangkat dan gelar jawatan Hakim dan peringkat Mahkamah hendaklah menggunakan singkatan berikut:

H	Hakim
HMRS	Hakim Mahkamah Rendah Syariah
HMTS	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
HMRyS	Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
KHS	Ketua Hakim Syarie
YAA	Yang Amat Arif
YA	Yang Arif
MRS	Mahkamah Rendah Syariah
MTS	Mahkamah Tinggi Syariah
MRyS	Mahkamah Rayuan Syariah

Singkatan pangkat dan gelar itu hanya boleh digunakan apabila ditulis bersama-sama nama penyandang.

Contoh:

YAA Tan Sri Ibrahim Lembut

YA Dato' Md Yusup bin Che Teh, HMRyS.

4.3 Singkatan perkataan lain yang lazim digunakan dalam teks Penghakiman.

hlm.	- halaman
lwn	- lawan
AA	- Arahan Amalan
Terj	- Terjemahan
dlm	- Dalam (bab dalam buku)
m.s	- Muka Surat.

5. SENARAI RUJUKAN

5.1 Rujukan bagi kitab.

Hendaklah ditulis dalam bentuk ayat mengikut susunan perkara berikut :

1. **Nama pengarang dan gelaran (jika ada)** diikuti noktah Semua nama pengarang hendaklah disenaraikan
2. **Tahun penerbitan** diikuti noktah
3. **Tahun Hijrah** hendaklah ditulis bersama-sama tahun Masehi seperti 1412H/1992
4. **Judul buku (condong)** diikuti noktah
5. **Bab dalam buku [dlm. = dalam] (jika ada)**
Cth : Shamsuddin Suhor. 2004. Celik Alam Sekitar: Pengurusan di Peringkat Isi Rumah. dlm. Jamaluddin Md. Jahi & Mohd Jailani Mohd Nor. Alam Sekitar dan Kesejahteraan Masyarakat Malaysia, hlm. 196-211. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. **Penyunting, penyusun, penterjemah (jika ada)** diikuti noktah
Cth : Terjemahan [Terj.=Terjemahan]
Battle, J.A. & Shannon, R.L. 1978. Gagasan Baru Ilmu Pendidikan. Terj. Jakarta: Penerbit Mutiara
7. **Nama siri buku dan jilid** atau bilangan dalam siri (jika ada) diikuti noktah
8. **Edisi terbitan**
9. **Bilangan jilid** diikuti noktah
10. **Tempat terbit (bandar)** diikuti titik bertindih
11. **Penerbit** diikuti noktah.
12. **Halaman**

Contoh:

Abu Bakar ibnu Muhammad Syata' al Damyaty. 1997/1418H. Hasyiah I'aanah al-Talibin. Cetakan 1. Juz. 4. Beirut: Dar al-Fikr.hlm 200

- 5.2 Rujukan kepada Hadith ditulis seperti rujukan kitab (mana yang berkenaan) Sulayman ibn Ahmad Al-Tabrani. 1311H/1894. Al-Mu'jam al-Saghir. Delhi: Al-Matbaah al-Ansari.

6. STRUKTUR LAPORAN KES UNTUK JURNAL HUKUM

Susunan Tajuk-tajuk dalam Teks Penghakiman hendaklah mengikut tertib seperti yang berikut:

1. Nama kes
2. No. kes
3. Kepala kes
4. Abstract
5. Fakta Kes
6. Diputuskan
7. Peguam Syarie
8. Surah al-Quran yang dirujuk
9. Undang-undang yang dirujuk
10. Kitab-kitab yang dirujuk
11. Kes-kes yang dirujuk
12. Alasan Penghakiman
13. Keputusan

Contoh:

Norfadzillah Binti Hashim

Iwn

Najmul Basri Bin Najimudin

} Nama Kes

[Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Kes Mal Bil: 14400-017-0019 – 2007 (Tuan Ibrahim bin Deris, HMTS)]

[11 Ramadhan 1429H bersamaan 11 September 2008]

} No. Kes

} Kepala Kes

*Undang-Undang Keluarga - Tuntutan Harta Sepencarian –
Bidangkuasa mahkamah – 46(2)(b)(iv) Akta Pentadbiran
Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)
1993 dan seksyen 58 Akta Undang-undang Keluarga Islam
(Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.*

Abstract

Fakta Kes

Ini adalah tuntutan Plaintiff di bawah seksyen 58 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 199(Akta 303) untuk mendapat perintah supaya sebuah rumah teres dua tingkat yang beralamat di No. 50 Presint 11, 1A/1, Presint 11, Putrajaya diisyiharkan sebagai harta sepencarian di antara Plaintiff dan Defendant. Seterusnya Plaintiff menuntut setengah (1/2) bahagian daripada harta tersebut dan memohon agar harta tersebut dijual.

Fakta Kes

Diputuskan

Setelah Mahkamah meneliti serta menghalusi segala keterangan Plaintiff, saksi Plaintiff, hujah daripada peguam Plaintiff, dokumen-dokumen yang dikemukakan, serta lafaz *yamin al-takmilah* dan *yamin al-istizhar* oleh Plaintiff, Mahkamah berpuashati. Dengan ini Mahkamah perintah dan hukum bahawa tuntutan Plaintiff adalah disabitkan

Diputuskan

Peguam Syarie

Plaintif : *Pn. Najahatus Safiah bt Abdul Hamid dari Tetuan
Najahatus Safiah & Associates; dan Pn. Afshah bt
Arifin dari Tetuan Afshah Arifin & Associates*

Peguam
Syarie

Defendant : *tidak diwakili*

Kitab-kitab yang dirujuk

1. Ibnu Qayyim al Juziyyah, Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syar'iyyah, Dar al Ihya al-Ulum, Beirut,

Kitab yang
dirujuk

(tanpa tarikh) muka surat 30.

Undang-undang yang dirujuk

1. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 seksyen 2 dan seksyen 58 Yang

Undang-
undang yang
dirujuk

Kes-kes yang dirujuk

1. Roberts @ Kamarulzaman Iwn Ummi Kalthom [1966] 1 MLJ 163.
2. Noor Bee Iwn Ahmad Shanusi, JH [1401H] Jil.1 Bhgn.11 63.

Kes-kes yang
dirujuk

Alasan Penghakiman Y.A Tuan Ibrahim bin Deris, HMTS

Ini adalah satu kes tuntutan mal oleh Plaintiff (Norfadzillah binti Hashim) ke atas Defendan (Najmul Basri bin Najimudin). Dalam kes ini Plaintiff memohon perintah perisyiharan harta iaitu sebuah rumah teres dua tingkat yang beralamat di No. 50 Presint 11, 1A/1, Presint 11, Putrajaya, sebagai Harta Sepencarian antara Plaintiff dengan Defendan.

Penghakiman

Keputusan

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas, oleh kerana Plaintiff hanya mengemukakan seorang saksi sahaja dan untuk membolehkan keterangan saksi tersebut dapat diterima sebagaimana kehendak Hukum Syara' dan peruntukan seksyen 88 Akta 561, maka mahkamah ...

Keputusan

BAHAGIAN II

7. Nama Kes

Nama kes hendaklah ditaip dengan huruf kecil kecuali huruf di awal perkataan dan diletakkan di bahagian tengah halaman serta ditebalkan.

Contoh:

Rahmat bin Anuar

Iwn

Zakiah binti Harun

Nama Kes

- 7.1 Perkataan 'Iwn' hendaklah ditaip dengan huruf kecil dan dicondongkan, diletakkan di antara baris nama pihak-pihak dengan jarak 1.5 antara garisan atas dan bawah.

Contoh:-

Zaimah Binti Mat Ali

Iwn

Sapiai Bin Chik

8. Nombor Kes

- 8.1 Nombor kes terletak di bahagian kepala kes dan ditaip selepas Nama Mahkamah yang membicarakan kes.

Contoh:

[Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

**Kes Mal Bil : 14200-099-0414-2010 (Y.A Mohd Amran
bin Mat Zain, HMTS)**

9 Ogos 2010 bersamaan 28 Sya'ban 1431H]

- 8.2 Kes Mal berkaitan Tuntutan dan Kes Rayuan semua ditulis menggunakan perkataan Bil (Bilangan). Manakala Kes Permohonan

termasuk semua kes Permohonan yang ditetapkan oleh undang-undang dan Kes Semakan ditulis dengan perkataan No. (Nombor).

Contoh:- [Kes Mal Bil: 05100-044-0037-2007]
[Kes Permohonan No: 05100-044-0037-2007]

9. Kepala Kes

Kepala kes ialah pernyataan mengenai tempat perbicaraan, no. kes, nama hakim dan tarikh keputusan.

Contoh:

[Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kes Mal Bil: 14200-099-0414-2010 (Y.A Mohd Amran bin Mat Zain, HMTS)
28 Sya'ban 1431H bersamaan 8 Ogos 2010]

- 9.1 Kepala kes hendaklah dimulakan dengan menggunakan tanda ([) diakhiri dengan tanda (])
- 9.2 Kepala kes mengandungi maklumat Mahkamah diikuti koma, Negeri Mahkamah diikuti titik. Kemudian ditulis maklumat no kes diikuti nama hakim dan jawatannya di dalam tanda (). Tarikh Hijrah dan bersamaan tarikh Masihi diletakkan ditarisian lain dibawah kepala kes.
- 9.3 Jika kes rayuan, nama pengerusi panel hakim rayuan didahulukan kemudian koma diikuti jawatan hakim iaitu Pengerusi kemudian koma diikuti nama hakim kedua dan jawatannya; koma diikuti singkatan perkataan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan seterusnya nama hakim ketiga dan jawatannya, koma dan singkatan perkataan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. (HMRyS)

Contoh:

[Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kes Mal Bil: 14000-041-0171-2010. (Y.A.A Tan Sri Ibrahim bin Lembut, Penggerusi HMRyS, Y.A Dato' Muhammad Asri bin Haji Abdullah, HMRyS dan Y.A. Dato' Haji Md. Yusup bin Che Teh, HMRyS)
08 Rabiul Akhir 1431H bersamaan 24 Mac 2010M]

10. *Abstract*

- 10.1 Abstract hendaklah ditaip mengikut urutan undang-undang yang lebih dominan seperti akta, enakmen dan Arahan Amalan.
- 10.2 Jenis atau Kategori Perundangan di awal abstract hendaklah ditaip condong dan ditebalkan. Manakala keseluruhan abstract yang lain hendaklah dicondongkan. Nama kategori perundangan dan kandungan abstract dipisahkan dengan tanda sengkang (-).
- 10.3 Abstract hendaklah mengandungi isu-isu penting yang dibahaskan di dalam sesuatu kes, jika isu tersebut mempunyai rujukan undang-undang, nombor seksyen serta nama akta/enakmen/lain-lain rujukan undang-undang hendaklah dinyatakan selepas isu tersebut
- 10.4 Setiap isu dalam abstract hendaklah dimulakan dengan huruf besar di awal perkataan.

Contoh:-

Undang-undang Pentadbiran Mal – Bidangkuasa Mahkamah mendengar dan memutuskan Permohonan Menggantung Perlaksanaan Perintah – Sek. 46(1)(2)(b)(x) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Undang-undang Tatacara Majlis – Keterangan Melalui Afidavit – Sek. 101
Akta Tatacara Majlis Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)
1998 [Akta 585].

Arahan Amalan – Permohonan Menggantung Perlaksanaan Perintah –
Pemohon melalui penjaga adilitem – Responden melalui waris /
pemegang surat

11. Fakta Kes

Fakta Kes ialah latar belakang mengenai kes tersebut termasuk kronologi kes. Jika kes yang dilaporkan adalah kes rayuan, maka fakta kes hendaklah menyatakan secara ringkas mengenai perbicaraan di Mahkamah sebelumnya prosiding yang sedang berjalan dan sebab-sebab rayuan.

12. Diputuskan

Perintah Mahkamah terhadap kes tersebut hendaklah diletakkan di bawah subtajuk ‘Diputuskan’ dan perintah Mahkamah di bawah tajuk Diputuskan hendaklah sama dengan keputusan kes dihujung laporan/penghakiman.

13. Peguam Syarie

13.1 Nama Peguam yang mewakili pihak-pihak serta firma guaman masing-masing hendaklah dinyatakan di bawah tajuk Peguam Syarie. Perkataan ‘diwakili oleh’ hendaklah ditulis sebelum meletakkan nama Peguam Syarie.

Contoh:

Plaintif : *diwakili oleh Pn. Najahatus Safiah binti Abdul Hamid
dari Tetuan Najahatus Safiah & Associates*

Defendant : *diwakili oleh Pn. Afshah binti Arifin dari Tetuan Afshah Arifin & Associates*

13.2 Jika Kes Jenayah, nama Pendakwa Syarie/Ketua Pendakwa Syarie hendaklah dinyatakan.

Contoh:

Pendakwa : *En. Mohamad bin Samad dari Pendakwa Syarie Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*

Tertuduh : *diwakili oleh Pn. Safiah binti Ahmad dari Tetuan Safiah & Razif.*

13.3 Jika ada pihak yang tidak diwakili, hanya letakkan perkataan 'tidak diwakili' di sebelah ruangan pihak tersebut.

Contoh:

Plaintif : *diwakili oleh Pn. Najahatus Safiah binti Abdul Hamid dari Tetuan Najahatus Safiah & Associates*

Defendant : *tidak diwakili.*

BAHAGIAN III

14. Alasan Penghakiman

14.1 Jika kes tersebut adalah kes Mahkamah Rendah Syariah, maka tajuk bagi penghakiman tersebut ialah perkataan Penghakiman diikuti nama hakim dan jawatannya. Seterusnya diikuti dengan Teks Alasan Penghakiman selang satu barisan.

Contoh :

Penghakiman Tuan Muhammad Al-Husaiyyan, HMRS.

Kes yang didengar di hadapan saya ini ialah permohonan berpoligami oleh Roslee bin Abdul Razak (Pemohon) di bawah Seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor No. 2 Tahun 2003.....

14.2 Jika kes tersebut adalah kes Mahkamah Tinggi Syariah, maka tajuk bagi penghakiman tersebut ialah perkataan Penghakiman diikuti nama hakim dan jawatannya. Seterusnya diikuti dengan Teks Alasan Penghakiman selang satu barisan.

Contoh:

Penghakiman YA Datuk Ibrahim bin Mahamad, HMTS

Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes berdasarkan seksyen 49 3(b) (iii) Enakmen Pentadbiran Tatacara Islam Negeri Melaka 2002 iaitu berhubung dengan nafkah orang-orang tanggungan.

14.3 Jika Kes tersebut adalah kes rayuan, maka tajuk bagi penghakiman tersebut ialah perkataan penghakiman diikuti nama penggerusi panel rayuan, koma dan ditulis singkatan nama kedua-dua panel rayuan yang lain akan diletakkan selepas subtajuk ‘Keputusan’. Frasa ayat ‘Penghakiman kes ini telah dibaca dan dipersetujui oleh’ hendaklah dimulakan dan seterusnya nama kedua-dua panel hakim rayuan diikuti singkatan perkataan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan di seluruh perkataan ditebalkan.

Contoh:

Penghakiman YAA Tan Sri Razak Sulaiman, HMRyS

Berdasarkan semua rekod, hujah Perayu dan Responden, kami tidak berhajat untuk mengulas kesemua alasan rayuan Perayu secara satu persatu tetapi kami akan ulas apa yang menjadi isu utama dalam rayuan ini iaitu

Keputusan

SETELAH Kami mendengar, membaca dan meneliti Rekod Rayuan, hujah bertulis Perayu, hujah Responden dan alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas, maka adalah dengan ini kami sebulat suara memutuskan bahawa;

1. Mahkamah Rayuan ini menerima rayuan Perayu
2. Perintah Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur Kes Rayuan : 14500-054-0019-2006 diketepi dan dibatalkan.

Penghakiman Kes ini telah dibaca dan dipersetujui oleh YA Dato' Muhamad Yunus bin Haji Abdul Salam, HMRyS dan YA Dato' Haji Md. Karim bin Abdul Kalam, HMRyS.

15. Rujukan Dalam Teks

Penulisan rujukan dalam teks memberi kemudahan kepada penulis dan pembaca untuk mengetahui sumber serta maklumat mengenainya

15.1 Jika rujukan hanya dibuat sekali sahaja, maka penulis hendaklah menyatakan sumber rujukan secara terperinci mengikut susunan iaitu

nama penulis, tahun terbitan, nama kitab yang dirujuk, cetakan dan tempat terbitan dan diikuti halaman.

Contoh:

Abu Bakar ibnu Muhammad Syata' al Damyaty. 1997/1418H. *Hasyiah I'aanah al-Talibin*. Cetakan 1. Juz. 4. Beirut: Dar al-Fikr. hlm 543.

15.2 Jika rujukan dibuat berulang-ulang kali bagi rujukan kali kedua dan seterusnya, penulis boleh menulis seperti berikut:

15.2.1 Rujukan Tunggal

Nama pengarang dan tarikh seperti Contoh:

(Abdul Karim Zaidan 2008)

15.2.2 Multirujukan

Dua rujukan atau lebih yang ditulis bersama hendaklah dipisahkan dengan tanda koma bertitik dan susunan rujukan hendaklah ditulis mengikut urutan abjad:

(Abdul Karim Zaidan 2005; al-Qardhawi 1998)

16. Rujukan Kepada Petikan Al-Quran

Bagi petikan ayat al-Quran yang dirujuk, ayat al-Quran tersebut hendaklah dinyatakan dalam bahasa arab berdasarkan *Mashaf Uthmani* dan disertakan dengan terjemahannya.

16.1 Petikan keseluruhan ayat al-Quran dan terjemah

Bagi petikan keseluruhan ayat al-Quran, rujukan surah dan nombor ayat hendaklah ditulis dengan perkataan arab pada baris lain di sebelah kiri.

Terjemahan bagi petikan keseluruhan ayat al-Quran hendaklah menyatakan keseluruhan terjemahan ayat dan dicondongkan mahakala rujukan surah serta nombor ayat hendaklah ditulis pada baris lain disebelah kanan. Perkataan ‘bermaksud’ hendaklah digunakan bagi memulakan terjemahan.

Contoh:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ
الْأَمْرٌ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَّلُمُ فِي شَيْءٍ فَرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ
وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَاللَّيْلَةِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ
وَأَحْسَنُ تَلْوِيلًا

Surah al-Nisa : 59

Bermaksud:

“Wahai orang-orang Yang beriman, Taatlah kamu kepada Allah dan Taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Ulil-Amri” (orang-orang Yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Surah al-Nisa': ayat 59

16.2 Petikan sebahagian Ayat al-Quran dan Terjemahan

Petikan sebahagian ayat al-Quran yang dikehendaki hendaklah diambil dan tempat yang digugurkan hendaklah diberi tanda titik iaitu pada sebelum atau/dan selepas ayat yang dipetik. Rujukan surah dan

nombor ayat hendaklah ditulis dengan perkataan arab pada baris lain di sebelah kiri.

Perkataan ‘Bermaksud’ hendaklah digunakan bagi memulakan terjemahan dan hendaklah dicondongkan (*Italic*).

Contoh :

..... إن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

سورة النساء : 59

Bermaksud: jika kamu benar beriman kepada
Allah dan hari akhirat....

Surah al-Nisa': ayat 59

16.2.1 Jika sebahagian ayat yang dikehendaki itu diambil dari awal ayat, hendaklah digunakan tanda titik di akhir ayat yang diambil.

Contoh :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قُوْمِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ اللَّهِ وَلَا
عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوْ أَوْلَادِكُمْ وَالْأَقْرَبِينَ ۱۳۵

Bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu.

16.2.2 Jika sebahagian ayat yang dikehendaki itu diambil dari pertengahan ayat sehingga akhir ayat, maka tanda titik hanya

perlu ada di awal ayat dan tidak di akhir ayat yang diambil.

Contoh:

..... وَلَا تَجْسِسُوا وَلَا يَعْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيْحُبُ
أَخْذُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهُمُوهُ وَأَنفَوْا اللَّهَ إِن
اللَّهُ تَوَاتُ رَحْيمٌ

Bermaksud:

Dan jangan mengumpat sebahagian kamu dengan sebahagian yang lain, adakah seorang dari kamu gemar salah seorang kamu memakan daging saudaranya yang telah mati, sudah tentu kamu membencinya (jijik). Bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih.

- 16.2.3 Jika petikan ayat yang digunakan berada ditengah-tengah ayat, maka perlu ada tanda titik di hadapan dan belakang ayat yang digunakan.

Contoh:

..... إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

سورة النساء : 59

Bermaksud:

..... jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat....

Surah al-Nisa': ayat 59

16.3 Petikan terjemahan al-Quran.

Terjemahan ayat al-Quran hendaklah berpandukan Tafsir Pimpinan al- Rahman terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Terjemahari al-Quran hendaklah dimulakan dengan perkataan "Bermaksud" dan diikuti oleh tanda titik bertindih.

Contoh:

Titik bertindih:

Bermaksud :

..... jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat....

17. Rujukan Kepada Petikan Hadith

Teks Hadith dicetak dalam bahasa arab dan rujukan hadith dalam koleksi-koleksi tertentu dibuat kepada bilangan atau nama kitab dan bab sesuatu hadith itu didapati.

17.1 Terjemahan hadith

Terjemahan Hadith boleh dicetak dengan ejaan rumi, mempunyai tanda baca dan berpandukan kepada kitab hadith yang muktabar. Nama perawi dan sumber rujukannya hendaklah dinyatakan (jika ada).

Contoh :

..... hadith yang diturunkan oleh Al-Jama'at

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا يَتَشَبَّهُ بِأَنَّهُمْ مُخْصِسُونَ إِلَيْهِ وَلَعَلَّ

بعضكم أن يكون الحنفية من بعض فاضلي له على نحو ما أسمى منه فهم
قضيت له من حق أخيه يعني فلا يأخذ منه شيئاً فلما أقطع له قطعة من النار

Bermaksud:

"Bersabda Rasulullah S.A.W Sesungguhnya aku Manusia (seperti Kamu) dan kamu datang berguam di hadapan kami dan boleh jadi ada di kalangan kamu yang lebih bijak mengemukakan hujah dari yang lain maka aku hukum baginya bagaimana yang aku dengar. Maka sesiapa yang aku hukum baginya sesuatu hak kepunyaan saudaranya, maka jangan diambilnya kerana itu seperti aku memotong baginya sebahagian dari bara api neraka"

(Sunan Abu Daud, Kitab Al-Aqdiyyah)

18. Rujukan kepada undang-undang

Petikan statut mestilah kekal dalam bentuk yang asal.

Contoh:

Seksyen 61(3)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 yang memperuntukkan seperti berikut:-

- italic {
- “(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-
- (a)
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah bergubungan dengan-

- 18.1 Bagi senarai undang-undang yang dirujuk, senarai tersebut hendaklah disusun mengikut urutan dimulakan dengan undang-undang yang paling dominan seperti Akta, enakmen, Arahan Amalan dll.
- 18.2 Undang-undang yang dirujuk hendaklah dimulakan dengan nama undang- undang diikuti koma seterusnya seksyen yang digunakan. Perkataan seksyen hendaklah dinyatakan ‘seksyen’ pada permulaan perkataan dan diringkaskan kepada perkataan ‘s.’ sahaja sekiranya perkataan tersebut berulang.

Contoh:

1. Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11, 74,77, 1 60, Senarai 1, Senarai 2 Jadual Kesembilan.
2. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Seksyen.31, s.46, s.85, s. 88 dan s.89.
3. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 s.2

19. Rujukan kepada *Matan* kitab.

- 19.1 *Matan* atau ayat-ayat bagi teks arab dan hadith (sekiranya digunakan) hendaklah dikemukakan dalam penulisan Alasan Penghakiman beserta terjemahannya.
- 19.2 Terjemahan *Matan* atau ayat-ayat bagi teks arab dan hadith hendaklah dimulakan dengan perkataan bermaksud dan seterusnya terjemahan di bawahnya.

Contoh:

هو أن ينحصر ولي الأمر القاضي عند تقليده القضاء أو بعد ذلك بنوع معين من القضاء، كالأحوال الشخصية أو المدني أو التجاري أو الجنائي إلى غير ذلك، فلا يصح له أن ينظر في نوع آخر غيره

Bermaksud:

"Bidangkuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidangkuasa ke atas seseorang Hakim semasa perlantikan Hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa Hakim itu mempunyai bidangkuasa tertentu sahaja seperti diberi bidangkuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang- undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang dianya diberi bidangkuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa lain yang tidak diberi kepadanya."

20. Rujukan kepada Kes yang telah diputuskan

Kes yang dirujuk ditulis mengikut urutan seperti nama kes, nombor jilid atau tarikh, sumber laporan kes, nombor-nombor halaman keputusan kes yang dilaporkan itu bermula.

- 20.1 Nama kes yang dirujuk dalam senarai "Kes-Kes Yang Dirujuk" hendaklah ditegakkan tanpa ditebalkan atau dicondongkan termasuklah perkataan Iwn (lawan)

Contoh:-

Kes-Kes Yang Dirujuk

1. Jumaaton Awang dan Raja Delila Iwn Raja Hizaruddin Nong Chik [2004] CLJ (Sya) 100
 2. Nor Azlisham bin Ramli Iwn Ketua Pendakwa Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan, [2002] 15(ii) JH 165
- 20.2 Bagi kes yang dirujuk dalam Alasan Penghakiman hendaklah ditebalkan (**bold**) dan dicondongkan (*italic*), gaya penulisan rujukan kes adalah seperti berikut:-
- Contoh:
-bersandarkan kepada otoriti kes ***Haslinda bt Alias Iwn Johdi Matthew Byrne @ Yahya bin Abdullah, [1999] JH 13 (i) 47*** mengenai keperluan kepada.....
Dalam kes ***Wan Abdul Aziz Iwn Siti Aishah [1975] JH 1 (1), 47*** dinyatakan.....

20.3 Rujukan Kes Sekali atau Secara ulangan

- 20.3.1 Jika sesuatu kes itu dirujuk hanya sekali sahaja, maka penulisan rujukan kes tersebut hendaklah secara terperinci.

Contoh:

Dalam kes *Azman Iwn Hamidah [1998] 12 (i) JH 95*

- 20.3.2 Jika sesuatu kes itu dirujuk berulang-ulang kali, maka penulisan rujukan kes boleh diringkaskan dengan hanya meletakkan nama pihak dalam kes tersebut.

Contoh:

Dalam kes *Azman*

- 20.3.3 Jika terdapat dua nama individu yang sama sebagai pihak-pihak, maka nama kes hendaklah ditulis secara penuh sebagaimana kes itu dirujuk sekali sahaja.

21. Rujukan Artikel

Rujukan bagi sesuatu Artikel hendaklah menyatakan sumber petikan tersebut dengan diensotkan sedikit dari kanan dan kiri.

Contoh :

Dalam hal ini, mahkamah merujuk kepada kitab Nizom al-Qadha' fi al-Syariah al-Islam oleh Dr. Abdul Karim Zaidan, terjemahan oleh Haji Mohd Saleh bin Haji Ahmad, halaman 204:

Iqrar ertinya mengaku atau membuat pengakuan. Menurut para fuqaha', iqrar ialah memberitahu seseorang akan sabit hak orang lain ke atas dirinya walaupun buat masa akan datang.

22. Penulisan berkaitan Akta, Seksyen, Penghakiman, ayat al-Quran, Terjemahan ayat al- Quran, Hadith dan Arahan Amalan.

- 22.1 Penulisan berkaitan dengan akta, seksyen, penghakiman, ayat al-Quran, terjemahan ayat al-Quran, hadith dan Arahan Amalan hendaklah diensotkan sedikit dari kanan dan kiri.
- 22.2 Penulisan berkaitan dengan akta, seksyen, penghakiman, terjemahan ayat al- Quran, hadith dan Arahan Amalan hendaklah *diitalickan* kecuali ayat al- Quran.

Contoh:-

Arahan Amalan No.1 Tahun 2005

*Penggantungan Perlaksanaan Perintah Sementara
Menunggu Rayuan:*

*Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada
keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah
Syariah seluruh Malaysia Bil : 1 Tahun 2005 pada
10hb – 12hb April 2005 bersamaan 1 hb – 3hb
Rabiulawal 1426H di Shah Alam,*

.....